

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP) KENDERAAN PERSENDIRIAN
BAGI RETURNING EXPERT PROGRAMME (REP) DI BAWAH TALENTCORP**

A. DASAR SEMASA

Peserta REP layak dipertimbangkan 1 unit kenderaaan.

B. SYARAT KELAYAKAN

1. Rakyat Malaysia yang diluluskan di bawah program *Returning Expert Programme* oleh TalentCorp;
2. Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon di negara bekerja sekurang-kurangnya 9 bulan sebelum kembali ke Malaysia;
3. Kenderaan hendaklah diinsuranskan atas nama pemohon di negara bekerja sekurang-kurangnya 9 bulan sebelum kembali ke Malaysia; dan
4. Kembali ke Malaysia secara tetap.

C. SYARAT KELULUSAN

1. Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon sahaja;
2. Kenderaan tidak boleh dijual / ditukar hakmilik dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran; dan
3. Pengimportan kenderaan hendaklah disertakan salinan *Certificate of Registration*.

D. PROSEDUR PERMOHONAN

1. Setiap permohonan **hendaklah dikemukakan melalui <http://reg.dagangnet.com/>** dengan menyertakan borang-borang serta dokumen sokongan yang teratur dan lengkap seperti berikut:
 - (i) Borang Permohonan Lesen Import Kenderaan Persendirian; dan
 - (ii) Salinan dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Senarai Semak.

2. Pemalsuan dokumen/maklumat kepada mana-mana badan Kerajaan merupakan satu kesalahan yang serius dan menyalahi undang-undang. Sekiranya pihak MITI mendapati berlaku pemalsuan dokumen/maklumat semasa permohonan dikemukakan atau kelulusan telah diberikan, pihak MITI berhak untuk menolak permohonan atau membatalkan kelulusan tersebut. Selanjutnya, pemohon juga **boleh disenarai hitam dan dikenakan tindakan undang-undang** di atas kesalahan tersebut.
3. Keputusan permohonan AP Kenderaan Persendirian akan dibuat dalam tempoh **5 hari bekerja**.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi kami di:

03-6208 4970/ap@miti.gov.my

Sebarang pertanyaan berkenaan sistem:

Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
Tower 3, Avenue 5, The Horizon Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 KUALA LUMPUR
Toll free : 1300.133.133
Email : careline@dagangnet.com
Website : <http://www.dagangnet.com>

Disediakan Oleh:
Unit AP Persendirian
Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)